

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 2 OGOS 2017

MUKA SURAT: 20

Johor Bahru: "Alhamdulillah, berkat bantuan pelbagai pihak kami sembilan beranak kini dapat hidup selesa di dalam rumah berbanding berhimpit di dalam kereta," kata Mohd Sani Bachok, 38, penerima Projek Perumahan Rakyat (PPR) Melana Indah, Taman Perling di sini, semalam.

Mohd Sani bersama isteri, Nurazilah Mahat, 29, bersama tujuh anaknya, Muhammad Haiqal Dainiel, 10, Muhammad Haqim, 9, Muhammad Haqimie, 8, Nur Aunie Husna, 5, Nur Ariyah Husrah, 4, Nur Afa Husmairah, 3 dan Nur Haniyah, 2, ceria di rumah baru ketika dikunjungi Setiausaha Ahli Parlimen Pulai, Datuk Abd Rashid Kasman mewakili Datuk Nur Jazlan Mohamed bagi menyampaikan kunci rumah berkenaan.

Mohd Sani berkata, dia tidak sangka akhirnya dapat menduduki PPR itu selepas lebih setahun membuat permohonan namun tidak mendapat jawapan.

Katanya, keluarganya selama ini terpaksa tinggal di dalam kereta hingga tiga anaknya terpaksa diserahkan kepada keluarga kerana ruang kereta sempit.



Foto: MOHD AZREN JAMALUDIN

ABD Rashid menyampaikan replika kunci rumah kepada Mohd Sani disaksikan Pengerusi We Love Charity, Marziana Abd Rashid (tengah) di PPR Melana Indah, Taman Perling, Johor Bahru.

Tak berhimpit lagi

Menurutnya, walaupun lega kerana diberikan rumah transit di Taman Mount Austin, sebelum ini, mereka risaukan masa depan hinggalah diberikan rumah PPR ini.

"Alhamdulillah. Terima kasih kepada We Love Charity yang membantu menularkan kisah kami dan menguruskan pelbagai proses, Harian Metro yang melaporkan kisah kami hingga diberi perhatian dan Datuk

Nur Jazlan yang membantu memudahkan semua proses.

"Tidak lupa Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) yang membantu sehingga kami dibenarkan tinggal di rumah ini.

"Hanya Allah dapat membalas jasa baik semua termasuk beberapa syarikat dan individu yang menghulurkan bantuan," katanya.